

**Untuk Siaran Serta-Merta**

## **HOTEL KEMPINSKI 8 CONLAY DIiktiraf sebagai PROJEK PENGGERAK EKONOMI OLEH PEMANDU**

*Hotel Kempinski Mewah 5 Bintang Tarik Lebih Ramai Pelancong Segmen Pendapatan Tinggi*

**Kuala Lumpur 9 Mac 2016** – KSK Land Sdn Bhd (KSK Land), bahagian harta tanah KSK Group Berhad, memulakan tahun 2016 dengan cemerlang apabila melancarkan Hotel Kempinski Kuala Lumpur, sebahagian daripada pembangunan 8 Conlay yang diiktiraf oleh Kementerian Pelancongan & Kebudayaan sebagai salah sebuah Projek Penggerak Ekonomi (EPP) di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Pelancongan dalam Program Transformasi Ekonomi Malaysia (ETP).

KSK Land berganding bahu dengan Kempinski Hotels, kumpulan hotel mewah terulung di Eropah dengan sejarah lebih 110 tahun menawarkan perkhidmatan terkhusus gaya Eropah yang tiada tolok bandingan. Hotel Kempinski Kuala Lumpur bakal menyediakan 260 bilik hotel lima bintang dan 300 suite perkhidmatan dalam Menara 68 tingkat yang akan menarik pelancong antarabangsa dan pelabur yang mahu merasa pengalaman melancong yang selesa dan bermutu tinggi.

Mengulas mengenai pengiktirafan ini, Ketua Pegawai Eksekutif KSK Group Berhad dan Pengarah Urusan KSK Land, Joanne Kua, berkata, “KSK Land berbesar hati untuk menerima pengiktirafan ini daripada Kerajaan Malaysia. Kami percaya komponen hotel 8 Conlay akan membantu menyokong matlamat negara menarik lebih ramai pengembara yang arif memilih dalam usaha untuk menjana pertumbuhan sektor pelancongan negara.”

NKEA Pelancongan bertujuan untuk menarik pelancong segmen pendapatan tinggi menerusi pembangunan sehimpunan optimum hotel berkualiti yang menyediakan tahap perkhidmatan tertinggi. Menjelang 2020, Malaysia dijangka memerlukan 37,000 bilik hotel 4-bintang dan 5 bintang baru.

Di samping itu, Kua yakin komponen hotel 8 Conlay akan menggalakkan pelaburan lebih besar dan pertumbuhan pekerjaan bagi negara ini. “Selain daripada peluang pekerjaan yang diwujudkan, Hotel Kempinski Kuala Lumpur juga bakal menggalakkan lagi pembangunan bakat dalam industri perkhidmatan tempatan, lantas merangsang ekonomi negara.

Hotel Kempinski Kuala Lumpur, yang dijangka membuka pintunya kepada pelanggan sempena sambutan Tahun Baru 2020, bakal menyediakan lebih 700 peluang pekerjaan manakala nilai komitmen pelaburan, tidak termasuk kos tanah, dijangka berjumlah kira-kira RM360 juta. Projek ini juga akan memberikan sumbangan positif kepada Pendapatan Negara Kasar (PNK).

Menurut Tan Sri Dr. Ong Hong Peng, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC), “Pembangunan mercu tanda seperti Hotel Kempinski Kuala Lumpur di 8 Conlay akan membantu meningkatkan daya saing Malaysia dan mengukuhkan kedudukan negara sebagai destinasi pilihan bagi pengembara perniagaan dan juga riadah. Pihak Kementerian akan terus mempermudah dan menggalakkan pembangunan hotel sejajar dengan unjuran keperluan negara.”

Pembangunan NKEA ini, yang diterajui oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, disokong menerusi kerjasama dengan kementerian dan agensi lain dan juga sektor swasta. Dengan menasarkan pelancongan riadah dan pelancongan perniagaan, NKEA ini akan memberi tumpuan meningkatkan angka ketibaan dan perbelanjaan pelancong bagi merangsang sumbangan industri kepada ekonomi negara.

Mengulas mengenai hartaanah Kempinski yang pertama di Malaysia, Ketua Pegawai Eksekutif Kempinski Hotels, Alejandro Bernabé berkata, “Kempinski berbangga untuk berganding bahu dengan KSK Land untuk meluaskan kedudukan kumpulan di Malaysia. Di Kempinski, kami mempertimbangkan setiap projek baru yang berpotensi secara individu, dan kami ingin membina portfolio kami secara terpilih. Sebagai contoh, kami perlu memastikan kami berkongsi dan menyokong wawasan pemilik hotel baru ini, di samping menentukan sama ada destinasi tersebut akan menarik perhatian kumpulan pelanggan setia kami yang sedia ada dan kami muhkuh memastikan bahawa Kempinski dimartabatkan sebagai pemimpin pasaran, atau menjadikannya sangat unik sehingga ia tidak dapat dibandingkan dengan hotel lain di destinasi tersebut.”

“Dalam hal ini, kami mengunjurkan masa depan yang cerah di Asia Tenggara secara umumnya, dan di Malaysia dan Kuala Lumpur secara khususnya. Kuala Lumpur adalah sebahagian daripada strategi pembangunan kami dan Malaysia mempunyai rekod ekonomi antara yang terbaik di Asia dengan KDNK yang berkembang pada kadar purata 5 peratus setahun selama hampir 50 tahun,” jelas Bernabé.

Tersergam indah di tengah-tengah segi tiga emas Kuala Lumpur yang sibuk, 8 Conlay ialah sebuah pembangunan kegunaan bercampur dengan Nilai Pembangunan Kasar (NPK) RM 5.4 Bilion. Pembangunan ini terdiri daripada menara 68-tingkat dengan Hotel Kempinski 5 bintang dan Kempinski Residences. Ia turut menyediakan komponen gaya hidup runcit yang dilengkapi dengan dua menara kediaman berjenama dengan seni reka dalaman sentuhan YOO (dikenali sebagai

YOO8 serviced by Kempinski) merangkumi dua blok 56- dan 61-tingkat yang akan dihubungkan menerusi dua jambatan langit pada paras 26 dan 44.

Untuk maklumat lanjut mengenai 8 Conlay dan Hotel Kempinski, pembeli dan pelabur boleh mengunjungi galeri pameran di No. 8, Jalan Conlay, 50450 Kuala Lumpur, atau melayari [www.8conlay.com](http://www.8conlay.com).

#### **Mengenai Kumpulan KSK Group**

KSK Group Berhad ("KSK") ditubuhkan di Malaysia dan terlibat terutamanya dalam kegiatan pegangan pelaburan. KSK juga terlibat dalam perniagaan insurans am di Indonesia dan Thailand, menerusi PT. KSK Insurance Indonesia dan KSK Insurance (Thailand) Public Co. Ltd. masing-masing.

KSK Group menceburi pasaran pembangunan harta tanah di Malaysia menerusi KSK Land Sdn Bhd, anak syarikat pembangunan harta tanahnya. Projek sulung KSK Land, 8 Conlay ialah sebuah pembangunan bersepadu, yang terdiri daripada kediaman berjenama, hotel 5 bintang dan komponen runcit yang tersergam indah di Jalan Conlay.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web kami di [www.kskgroup.com](http://www.kskgroup.com) atau [www.kskland.my](http://www.kskland.my)

#### **Mengenai Kempinski Hotels**

Ditubuhkan pada 1897, Kempinski Hotels ialah kumpulan hotel mewah paling tua di Eropah. Warisan kemewahan Kempinski menyediakan perkhidmatan peribadi tiada tandingan dan layanannya yang luar biasa disokong oleh ciri eksklusif dan tersendiri harta tanah miliknya.

Kempinski kini terdiri daripada portfolio 73 hotel lima bintang di 31 negara dan terus menambah harta tanah baru di Eropah, Timur Tengah, Afrika dan Asia. Setiap hotel mencerminkan kekuatan dan kejayaan jenama Kempinski tanpa melupakan warisannya. Portfolio ini termasuk harta tanah mercu tanda bersejarah, hotel gaya hidup pemenang anugerah, pusat penganginan luar biasa dan kediaman berprestij. Setiap satu menerapkan kualiti yang diharapkan oleh tetamu daripada Kempinski sambil menerima pakai tradisi kebudayaan lokasinya. Kempinski ialah ahli pengasas Global Hotel Alliance (GHA): perikatan hotel bebas terbesar di dunia.

-tamat-

#### **Media Contact:**

Alex Lim Eng Keat  
Head - Corporate Communications  
KSK Group Berhad  
Tel: 03-2693 1668  
Email: [alex.lim@kskgroup.com](mailto:alex.lim@kskgroup.com)

**Dikeluarkan** : KSK Land Sdn Bhd

**Menerusi** : Centriq PR Sdn Bhd  
Jacqueline Arnold / Angela Tham  
Tel: 03-7726 3430